

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.10.2014

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan telah mengadakan penilaian kompetensi terhadap daya saing Malaysia Airlines System (MAS) dalam pasaran penerbangan tambang murah sebelum melaksanakan Pelan Pemulihan Baru MAS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum mengumumkan

Pelan Pemulihan Malaysian Airline System Bhd (MAS), kajian terperinci telah dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Bhd ke atas MAS, termasuklah menjalankan analisis daya saing MAS berbanding syarikat penerbangan tambang murah (LCC) yang menjadi antara subjek tumpuan dalam kajian berkenaan.

Hasil kajian mendapati bahawa masalah kewangan MAS telah mencerminkan secara jelas satu model perniagaan yang tidak bersesuaian dengan persekitaran pasaran yang kian mencabar. MAS mempunyai kelemahan ketara dari segi kos berbanding pesaingnya di kalangan LCC di mana jurang kos berbanding LCC adalah lebih besar berbanding kelebihan hasil yang diperoleh.

Di samping itu, perbandingan dengan syarikat penerbangan perkhidmatan penuh (FSC) juga telah dilaksanakan dalam kajian berkenaan di mana analisis mendapati bahawa prestasi pendapatan MAS adalah terkebelakang berbanding pesaingnya di kalangan FSC walaupun MAS mempunyai kelebihan dari segi kos yang lebih kecil berbanding pesaing-pesaingnya. Produktiviti tenaga kerja MAS juga jauh ketinggalan

iaitu 50% terkebelakang daripada pesaingnya di kalangan FSC.